**SULIT***

**Nama: ……………………………………………..** **Kelas : ………………………**

# 900/3

# STPM 2018

# PENGAJIAN AM

# KERTAS 3

**(Dua jam)**

*RANMALAYSIASIJILTINGGIPELAJARANMALAYSIASIJILTINGGIPELAJARAN MALAYSIASIJIL*
*RANMALAYSIASIJILTINGGIPELAJARANMALAYSIASIJILTINGGIPELAJARAN MALAYSIASIJIL*
*SIJILTINGGIPELAJARANMALAYSIASIJILTINGGIPELAJARANMALAYSIASIJILTINGGIPELAJA*
*RANMALAYSIASIJILTINGGIPELAJARANMALAYSIASIJILTINGGIPELAJARAN MALAYSIASIJIL*

## MODUL PENTAKSIRAN PDPC SEMESTER 3 STPM 2018

## SIJIL TINGGI PELAJARAN MALAYSIA

**Arahan kepada calon :**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

Kertas ini mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A. Tandakan jawapan yang betul pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang dibekalkan.

Jawab **satu** soalan dalam Bahagian B. Tulis jawapan dalam kertas yang disediakan.

Jawab **dua** soalan sahaja dalam Bahagian C. Anda boleh menjawab semua soalan tetapi hanya dua jawapan pertama yang akan diperiksa.

Tulis jawapan pada helaian jawapan yang disediakan. Mulakan setiap jawapan pada helaian jawapan yang baharu

Susun jawapan mengikut tertib berangka dan ikat helaian jawapan anda.

| Untuk kegunaan pemeriksa | |
|---|---|
| **Bahagian A** | |
| 1-15 | |
| **Bahagian B** | |
| 16/17 | |
| **Bahagian C** | |
| | |
| | |
| **Jumlah** | |

---

Kertas soalan ini terdiri daripada 9 halaman bercetak .

**Bahagian A** [15 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

1 Malaysia menjalin hubungan diplomatik dengan negara lain untuk

**A** memelihara kedaulatan negara
**B** mengekalkan penguasaan ekonomi
**C** melindungi kepentingan negara miskin
**D** menjaga keamanan dan kestabilan serantau

2 Malaysia berpegang teguh kepada dasar memakmurkan jiran kerana

**A** peluang pasaran baru yang terbuka luas di negara jiran
**B** kesedaran untuk saling memahami dan memerlukan jiran
**C** kepentingan memahami kepelbagaian budaya negara jiran
**D** kemakmuran negara dipengaruhi oleh kestabilan politik negara jiran

3
- Pulau *X* menjadi rebutan antara beberapa negara ASEAN, China dan Taiwan
- Pertikaian perlu dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa

Pulau *X* merujuk kepada

**A** Pulau Ligitan
**B** Pulau Sipadan
**C** Pulau Batu Putih
**D** Kepulauan Spratly

4 Yang manakah berkaitan dengan cabaran dalam pembentukan Komuniti ASEAN?

**A** Ketidaksamaan tahap pendidikan
**B** Kepadatan penduduk yang berbeza
**C** Tahap kesedaran masyarakat yang rendah
**D** Kadar pertumbuhan ekonomi yang perlahan

5
- Memastikan negara anggota menyelesaikan masalah dalaman dengan cara sendiri
- Membebaskan negara anggota daripada campur tangan kuasa-kuasa luar

Matlamat di atas merujuk kepada persetujuan Malaysia dalam

**A** Komuniti ASEAN
**B** Deklarasi Kuala Lumpur
**C** Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
**D** Pergerakan Negara-Negara Berkecuali

6

- Memupuk kesedaran awam yang komprehensif
- Menganjurkan Gerakan Kesederhanaan Global

Pernyataan di atas berkaitan kaedah Malaysia dan negara serantau bagi menyelesaikan masalah

**A** pendatang asing tanpa izin
**B** pemerdagangan manusia
**C** keganasan antarabangsa
**D** pengedaran dadah

7

- Kawasan maritim negara berkeluasan 589,450 kilometer persegi
- Mempunyai kuasa melindungi dan memelihara alam sekitar maritim

Pernyataan yang tersebut di atas berkaitan dengan

**A** Perjanjian Pengangkutan Maritim
**B** Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga
**C** Zon Ekonomi Eksklusif
**D** Protokol Kyoto

8

- Menyeimbangkan pembayaran yang defisit
- Membebaskan beban hutang negara

Yang di atas merupakan tuntutan Malaysia dan negara anggota menerusi

**A** Kumpulan Lapan Negara Membangun
**B** Pergerakan Negara-Negara Berkecuali
**C** Kerjasama Selatan-Selatan
**D** Mesyuarat Asia-Eropah

9 Yang manakah tujuan Malaysia menganggotai Pertubuhan Persidangan Islam?

I Membentuk hubungan harmoni antara agama
II Memupuk perpaduan dalam kalangan negara anggota
III Menyelaras bantuan kewangan kepada negara anggota
IV Mengelakkan penglibatan negara dalam peperangan ideologi

**A** I dan II
**B** I dan III
**C** II dan IV
**D** III dan IV

10
- Mengadakan rundingan tentang beban hutang negara anggota
- Membincangkan kadar pertukaran wang asing yang tidak menentu

Tindakan yang di atas dilakukan Malaysia dengan menyertai

**A** Pertubuhan Persidangan Islam
**B** Kerjasama Selatan-Selatan
**C** Kumpulan 77
**D** Kumpulan 15

11
- Penasihat undang-undang kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- Menyelesaikan pertikaian antarabangsa secara aman

Badan kehakiman yang tersebut di atas ialah

**A** Mahkamah Jenayah Antarabangsa
**B** Mahkamah Keadilan Antarabangsa
**C** Mahkamah Tetap Keadilan Antarabangsa
**D** Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

12
- *Trump* mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel

Apakah tindakan Malaysia dalam menghadapi kontroversi di atas?

**A** Menyokong resolusi untuk mempertahankan Baitulmaqdis
**B** Menghantar tentera pemerhati ke Baitulmaqdis
**C** Menyokong sekatan ekonomi terhadap Israel
**D** Mengemukakan nota bantahan kepada Israel

13 Yang manakah cabaran yang dihadapi Malaysia dalam memajukan teknologi hijau di negara ini?

**A** Tahap sokongan pihak swasta yang rendah
**B** Tahap kesedaran masyarakat yang rendah
**C** Tiada sokongan daripada pihak kerajaan
**D** Tiada penyelidikan berkaitan teknologi

14 Yang manakah faktor yang menyukarkan Malaysia menangani jenayah pemerdagangan manusia?

**A** Kelemahan kawalan di pintu masuk negara
**B** Penglibatan pihak berkuasa dalam sindiket tersebut
**C** Sempadan laut dan darat Malaysia yang terlalu luas
**D** Permintaan yang tinggi dalam kalangan negara terlibat

15 Yang manakah cabaran yang dihadapi dalam merealisasikan integrasi ekonomi serantau?

**A** Pengiktirafan terhadap sistem pendidikan
**B** Pergantungan kepada negara maju
**C** Perbezaan kadar pertukaran asing
**D** Tiada sokongan negara anggota

**Bahagian B** [15 *markah*]

*Jawab* **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini.*

16 Dengan merujuk kepada jadual di bawah, buat analisis terhadap statistik bilangan penganggur di negara-negara ASEAN terpilih dari tahun 2014 hingga tahun 2016. Berikan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan bilangan penganggur di negara ini.

**BILANGAN PENGANGGUR DI NEGARA-NEGARA ASEAN TERPILIH DARI TAHUN 2014 HINGGA TAHUN 2016**

| *Negara* | *Bilangan penganggur ('000 orang)* | | |
|---|---|---|---|
| | *Tahun 2014* | *Tahun 2015* | *Tahun 2016* |
| Indonesia | 7 244.9 | 7 560.8 | 7 031.8 |
| Malaysia | 411.1 | 450.3 | 504.1 |
| Myanmar | 1 290.0 | 954.0 | 168.0 |
| Filipina | 2 728.0 | 2 602.0 | 2 363.0 |
| Singapura | 61.2 | 62.5 | 67.4 |
| Thailand | 322.7 | 340.6 | 377.5 |
| Vietnam | 1 003.5 | 1 144.0 | 1 143.0 |
| Jumlah | 13 061.4 | 13 114.2 | 11 654.8 |

(Sumber: *ASEAN Statistical Yearbook 2016/2017* dalam http://asean.org/storage/2018/01/ASYB_2017-rev.pdf)

17 Berdasarkan maklumat dalam carta di bawah, huraikan perubahan nilai import Malaysia dari negara-negara terpilih pada bulan Julai - Disember 2017 dan anggaran bulan Julai - Disember, 2018. Kemukakan juga langkah-langkah untuk mengurangkan jumlah import Malaysia.

**MALAYSIA: PASARAN UTAMA IMPORT BULAN JULAI - DISEMBER 2017 DAN *BULAN JULAI - DISEMBER 2018**

**Julai - Disember 2017** **Julai - Disember, 2018**




RM 118 110 juta
*Anggaran

RM 128 394 juta

(Disesuaikan daripada *Perangkaan Perdagangan Luar Malaysia* dalam http://gg.gg/matrade)

**Bahagian C** [ 50 *markah* ]

*Pilih* **dua** *daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

18 Malaysia dan negara-negara Islam menghadapi pelbagai masalah yang menyukarkan pembangunan. Huraikan.

19 Walaupun pelbagai usaha dilakukan untuk membendung penularannya, penyakit berjangkit masih merupakan salah satu punca kematian dalam kalangan kanak-kanak terutama di negara-negara mundur. Bincangkan faktor perebakan penyakit berjangkit dalam kalangan kanak-kanak dan cadangkan langkah untuk mengawalnya.

20 Kelemahan kawalan sempadan bukanlah satu-satunya faktor yang menyebabkan Malaysia masih gagal menyelesaikan isu keselamatan sempadan. Isu ini akan menimbulkan pelbagai risiko kepada rakyat dan negara. Bincangkan.

'KERTAS SOALAN TAMAT'

## BORANG JAWAPAN ANEKA PILIHAN

<table>
<tr><td rowspan="2">NAMA CALON :<br><br>...............................................<br><br>KELAS :<br><br>...............................................<br><br>KOD KERTAS : 900/3<br>PENGAJIAN AM 3</td><td>HITAMKAN/ TANDAKAN JAWAPAN ANDA BAGI SALAH SATU PILIHAN YANG DIBERI</td></tr>
<tr><td>1. A B C D<br>2. A B C D<br>3. A B C D<br>4. A B C D<br>5. A B C D<br>6. A B C D<br>7. A B C D<br>8. A B C D<br>9. A B C D<br>10. A B C D<br>11. A B C D<br>12. A B C D<br>13. A B C D<br>14. A B C D<br>15. A B C D</td></tr>
</table>